

## **PEMBANGUNAN KECERDASAN SPIRITAL PELAJAR BERASASKAN MODEL TAZKIYAH AL-NAFS AL-GHAZALI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)**

### ***The Development of Student's Spiritual Intelligence Based on Tazkiyah al-Nafs al-Ghazali Model at Universiti Malaysia Pahang (UMP)***

Mohd. Suhardi Mat Jusoh, Rashidi Abbas, Wan Suraya Wan Nik, Nurul Ain Saleh\*\*  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak,  
26300 Kuantan, Pahang.

[suhardi@ump.edu.my](mailto:suhardi@ump.edu.my)  
[rashidi@ump.edu.my](mailto:rashidi@ump.edu.my)  
[wansuraya@ump.edu.my](mailto:wansuraya@ump.edu.my)  
[al-Ihsan89@yahoo.com](mailto:al-Ihsan89@yahoo.com)

### **ABSTRAK**

Kajian ini mengkaji tentang pembangunan kecerdasan spiritual berasaskan model *tazkiyah al-nafs* al-Ghazali dalam pelaksanaan program kecerdasan spiritual-kemahiran insaniah di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti bentuk amalan kecerdasan spiritual yang dilaksanakan berasaskan konsep *riyādu al-nafs*. Seterusnya, menilai tahap kefahaman elemen *tazkiyah al-nafs* dan akhirnya, melihat kesan kefahaman elemen *tazkiyah al-nafs* dalam aspek pembentukan moral dan etika peserta melalui program kecerdasan spiritual-kemahiran insaniah. Kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk kuantitatif iaitu data-data kajian diperolehi melalui kaedah soal selidik semasa program dilaksanakan. Dapatkan kajian keseluruhananya menunjukkan amalan *qiam al-layl* dan puasa sunat sukar untuk dilaksanakan sebagai amalan kecerdasan spiritual peserta dan nilai min bagi aspek kefahaman ibadat dan *tazkiyah al-nafs* berada di tahap sederhana tinggi. Ujian korelasi pula menunjukkan terdapat hubungan yang lemah ( $r = 0.24$ ) dan signifikan ( $\text{sig.} = 0.01$ ) antara kefahaman ibadat dan *tazkiyah al-nafs*. Justeru, kajian ini merumuskan bahawa aspek kefahaman dan amalan *mujāhadah al-nafs* sebagai elemen *tazkiyah al-nafs* perlu dimantapkan bagi memenuhi objektif pelaksanaan program kecerdasan spiritual-kemahiran insaniah di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Kata kunci: *Kecerdasan spiritual, tazkiyah al-nafs, al-Ghazali, etika dan moral, kemahiran insaniah.*

### **ABSTRACT**

This study examines the development of spiritual intelligence based on the al-Ghazali's model of *tazkiyah al-nafs* and its application in the spiritual intelligence-soft skills programme at the Universiti Malaysia Pahang (UMP). The main objective of this study is to identify the numerous

forms of spiritual intelligence practices implemented based on the concept of *riyādu al-nafs*. Next, the study evaluated the level of understanding of *tazkiyah al-nafs* elements and finally, to see the impact of the understanding of *tazkiyah al-nafs* in forming ethical norms and moral values among participants through the spiritual intelligence-soft skills programme. This study employed the quantitative survey method with data collected through questionnaires during the implementation of the programme. The overall findings showed that *qiam al-layl* and *puasa sunat* practices are difficult to be implemented as spiritual intelligence practices among the participants. However, the mean value for the understanding of *ibadat* and *tazkiyah al-nafs* exhibited a moderate high. The correlation test highlighted the fact that even though there is a weak relationship ( $r = 0.24$ ) but significant ( $sig = 0.01$ ) between the understanding of *ibadat* and *tazkiyah al-nafs*. Thus, the study concludes that the aspects of understanding and practices of *tazkiyah al-nafs* particularly the elements of *mujāhadah al-nafs* should be improved to fulfill the objectives of spiritual intelligence-soft skills programme implementation at the Universiti Malaysia Pahang (UMP).

*Keywords:* Spiritual intelligence, *tazkiyah al-nafs*, al-Ghazali, ethical and moral, soft- skill

## PENDAHULUAN

Tidak dinafikan bahawa kawalan nilai terhadap individu dan didikan akhlak yang konsisten terhadap masyarakat merupakan faktor-faktor yang boleh menjamin keamanan, kedamaian dan kesejahteraan sesebuah negara. Lantaran itu, aspek pembentukan nilai dan kecemerlangan insan berteraskan aspek kerohanian merupakan asas utama dalam menentukan keberhasilan proses pembangunan manusia dalam sesebuah negara. Ini kerana aspek kerohanian merupakan intisari manusia yang sebenar dan ciri-ciri peribadinya, bahkan kerohanian adalah punca kebaikan seseorang dan masyarakat seluruhnya (Muhammad Quṭb, 1993).

Justeru, aspek pembangunan kerohanian menurut perspektif Islam amat ditekankan kerana ia dapat membentuk tingkah laku, tindakan dan keputusan seseorang dan dengan itu juga, krisis kejiwaan yang berlaku dalam kalangan manusia dapat diatasi jika manusia kembali kepada ajaran-ajaran agama iaitu dengan melakukan penyucian jiwa seperti yang dikehendaki oleh agama ( Zidni Nurul Noordin et.al, 2017). Sementara fahaman sekular, aspek kecerdasan spiritual difahami dalam konteks memenuhi keperluan fahaman dan ideologi mereka semata-mata, yang sebahagiannya berfahaman sekular dan teorinya dibina berdasarkan perspektif Judeo-Christian iaitu “*spiritual but not religious.*” Lantaran itu, kerangka konsep kecerdasan spiritual yang dikemukakan oleh Barat sememangnya tidak bersesuaian dengan landasan tasawwur Islam (Tajulashikin Jumahat et.al, 2014).

Berasaskan hakikat ini, maka konsep kecerdasan spiritual yang dikemukakan oleh sarjana Islam seperti al-Ghazali perlu dikembangkan dan dimanfaatkan sepenuhnya dalam bidang sains sosial

ketika ini berikutan wujudnya pertalian yang utuh antara konsep kerohanian (*spirituality*) dan agama yang dapat direalisasikan dari dimensi iman, ibadah dan akhlak (Tajulashikin Jumahat et.al, 2014). Sehubungan itu, maka kajian ini ingin meneliti sejauhmana amalan pembersihan jiwa dapat difahami dan diaplikasi secara konsisten dalam kalangan peserta program *spiritual intelligent- soft skills* di Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi memenuhi salah satu elemen pembangunan program *soft-skills* iaitu pembentukan moral dan etika profesional peserta. Fokus utama kajian ini adalah kefahaman peserta dalam konteks penunaian ibadat fardu dan sunat sebagai salah satu mekanisme amalan *tazkiyah al-nafs* dalam rangka memantapkan aspek spiritual mereka. Sementara model *tazkiyah al-nafs* al-Ghazali dirujuk dalam konteks kajian ini adalah berasaskan kepada ketokohan al-Ghazali sebagai seorang tokoh pemikir Islam yang paling banyak membicarakan aspek pembangunan jiwa dan manusia. Ini terbukti dengan hasil kajian yang pernah dibuat, dari prosiding dan konferens, sehingga tesis di peringkat sarjana dan doktor falsafah, maka ke semuanya membincangkan mengenai al-Ghazali menerusi pelbagai aspek.( Faizatul Najihah et.al, 2015)

### **Program Kemahiran Insaniah**

Pembangunan kemahiran insaniah (*soft-skills*) merupakan suatu agenda penting Kementerian Pengajian Tinggi ( KPT ) Malaysia. Agenda ini dapat dilihat dalam Teras 2 Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui 2020. Tujuh elemen kemahiran insaniah (KI) yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ialah ; moral dan etika profesional (MEP), kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepemimpinan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2006). Secara asasnya, antara matlamat utama membangunkan kemahiran insaniah para pelajar IPT di Malaysia ialah agar graduan berketerampilan dan kebolehpasaran. Ini merupakan suatu faktor yang dapat menjamin dan membawa kejayaan kepada lepasan IPT apabila mereka masuk ke alam pekerjaan (Abdul Rahman Md. Aroff et.al., 2007).

Berdasarkan kepada ke semua elemen kemahiran insaniah yang dinyatakan di atas, elemen moral dan etika dianggap sebagai elemen penting dalam memastikan keberhasilan pembinaan modal insan menerusi cabaran ke- 4, wawasan 2020 dan Pelan Integriti Nasional. Hasrat ini adalah selari dengan kehendak Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework* ) yang menegaskan “ keperibadian etika, nilai dan profesionalisme ” sebagai salah satu hasil pembelajaran di IPT (Abdul Rahman Md. Aroff et.al., 2007). Oleh itu, tidak dinafikan bahawa pencapaian tinggi pelajar IPT dalam semua elemen kemahiran insaniah akan menjadi lebih bermakna sekiranya mereka memiliki moral dan etika seperti integriti dan

jujur sebagai kualiti personal yang sangat diutamakan oleh majikan ketika ini (Mohamad Sattar Rasul et.al, 2009).

Justeru, bagi memastikan pelajar IPT menguasai KI EMP, maka semestinya aspek spiritual mereka dibangunkan secara seiring antara keperluan fizikal. Matlamat ini hanya dapat dicapai sekiranya unsur–unsur keagamaan dapat dijadikan teras dalam program pembangunan kerohanian pelajar di IPT. Ini kerana agama berupaya memaparkan akhlak, etika, tingkah laku dan perbuatan yang positif (Mohd Sharani Ahmad et.al,2008), malah sarjana pendidikan sendiri menegaskan bahawa agama amat mempengaruhi sahsiah seseorang kerana agama merupakan suatu kuasa yang terkuat sekali pengaruhnya kepada watak insan. Justeru, *standard* etika, akhlak dan pertimbangan seseorang adalah hasil dari asuhan agama (J.S. Farrant,1964).

Melihat kepada pentingnya aspek pembangunan spiritual dalam kerangka pembangunan moral dan etika pelajar, maka Jabatan Kemahiran Insaniah Universiti Malaysia Pahang (UMP) melaksanakan program *spiritual-intelligent* sebagai KI tambahan kepada setiap pelajar. Program ini dilaksanakan dalam bentuk My Intellectual Circle (MyIC) berteraskan nilai teras utama Universiti Malaysia Pahang (UMP) iaitu hubungan yang kuat dengan Maha Pencipta dengan matlamat memberikan pendidikan yang seimbang duniawi dan ukhrawi kepada mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP). Selain itu, program ini juga merupakan sebahagian daripada penilaian kecerdasan spiritual pelajar yang mengambil kursus Kemahiran Insaniah (Universiti Malaysia Pahang, 2017/2018).

### **Pembangunan Kecerdasan Spiritual Menurut al-Ghazali**

Al-Ghazali merupakan salah seorang tokoh yang banyak membincangkan tentang persoalan pembangunan manusia menerusi pembentukan akhlak. Gagasan idea beliau banyak diperkatakan dan dihuraikan dalam kitab ‘*Ihya’* ‘*Ulūmuddīn* dan *Mīzān al-‘Amal* (Faizatul Najihah et.al, 2015). Dalam aspek ini, beliau telah membahaskan dan sentiasa menegaskan untuk membangunkan diri dan jiwa berlandaskan amalan pembersihan jiwa. Ini bermakna, di antara dua komponen diri manusia iaitu fizikal dan spiritual, maka al-Ghazali lebih menekankan aspek spiritual atau kerohanian seiring dengan konsep penyampaian beliau di dalam ‘*Ihya’* yang mengupas ilmu secara zahir dan batin (Yatimah et.al, 2008).

Justeru, pembangunan diri menurut perspektif al-Ghazali merupakan satu usaha membersihkan jiwa, hati dan diri manusia daripada kekotoran sifat – sifat keji melalui proses *mujāhadah al-nafs* dan kemudian menghiasainya dengan sifat- sifat murni melalui proses *riyādah al-nafs* yang memerlukan kesabaran lantaran proses ini memerlukan usaha yang gigih serta semangat yang kuat (Sa'id Hawwā, 1995). Dalam konteks ini, penggunaan istilah *tazkiyah*

*al-nafs* secara teknikalnya seperti yang diperkatakan oleh al-Ghazali adalah merujuk kepada suatu usaha gigih untuk membersihkan hakikat atau zat sejati diri manusia daripada pelbagai sifat yang rendah dan hina untuk dihias zat sejati diri dengan pelbagai sifat yang mulia dan terpuji. Dalam erti kata lain, *tazkiyah al-nafs* merupakan usaha gigih kemanusiaan yang mengandungi dua dimensi (Zakaria Stapa, 2001) ;


- i. Proses pembuangan sifat- sifat tercela daripada diri sendiri manusia, yang juga diistilahkan dalam bidang kerohanian Islam sebagai *al-takhallī*.
- ii. Proses penghiasan atau pemakaian diri sejati manusia iaitu dengan sifat- sifat mulia dan terpuji, yang juga diistilahkan dalam bidang kerohanian Islam sebagai *al-tahallī*.

Berdasarkan catatan ini, dapatlah diperjelaskan bahawa dua elemen utama pembangunan spiritual menurut al-Ghazali ialah *mujāhadah al-nafs* (*al-takhallī*) dan *riyādah al-nafs* (*al-tahallī*). *Mujahadah al-nafs* merupakan usaha yang bersungguh-sungguh melawan nafsu atau mendidiknya. Kaedahnya adalah dengan menentang syahwat dan melawan nafsu. Ia juga merupakan suatu kaedah untuk menghapuskan penyakit- penyakit hati (*amrād al-qulūb*) dan perkara- perkara yang berkaitan dengannya sehingga Allah S.W.T. melimpahkan hatinya dengan cahaya ilmu. Sementara *riyādah al-nafs* ialah latihan jiwa ke arah kebaikan dan suatu proses pemindahan daripada sesuatu yang ringan kepada berat secara berperingkat- peringkat sehingga mencapai satu keadaan di mana perkara- perkara yang berat menjadi ringan (al-Ghazali, 1998).

Justeru, *tazkiyah al-nafs* adalah suatu proses pembaik pulihan dan pendisiplinan diri ke arah yang lebih positif secara dalaman dan luaran menurut acuan agama Islam dengan mengaplikasikan kaedah pembersihan (*al-takhallī*) dan pembentukan (*al-tahallī*) sehingga mencapai tahap *al-ihsān* dan akhlak kenabian (Abu Dardaa Mohamad et.al,2017). Ia sememangnya suatu usaha yang sukar dilaksanakan namun apabila ia menjadi kebiasaan, seseorang itu akan berpegang kepada satu kebiasaan tersebut ( Salasiah Hanin Hamjah, 2016). Kaedah ini dapat dilaksanakan dengan sentiasa mengutamakan ibadah wajib diikuti dengan sunat kemudian mengekalnya (Zidni Nuran Noordin et.al, 2017).

Secara ringkas, kerangka konsep pembangunan spiritual al-Ghazali seperti dalam gambarajah yang berikut ;

Rajah 1.1. Model Pembangunan Spiritual Menurut al-Ghazali



(Sumber : Modifikasi dari Kitab *al-Mustakhlas fī Tazkiyah al-Nafs*, Sa'id Hawwā, 1997 )

Berdasarkan model *tazkiyah al-nafs* al-Ghazali seperti yang ditunjukkan di atas, mempertingkat ibadat secara konsisten merupakan di antara amalan utama yang dapat memberi kesan langsung dalam usaha *tazkiyah al-nafs*. Justeru, semua amalan keislaman yang berbentuk taklif suruhan seperti solat, *qiam al-layl*, puasa, tilawah al-Quran, al-zikr serta lain- lain amalan mestilah dilaksanakan dalam taraf yang sempurna iaitu satu taraf pelaksanaan atau penunaian dalam bentuk yang sejajar antara amalan lahir dan batin (Zakaria Stapa,1995). Dalam dimensi batin, penunaian ibadat seseorang seharusnya mengambil kira tiga elemen yang berikut ;

i. *al-Ihsān*

Dalam aspek ibadat, *ihsān* memberi suatu gambaran tentang seseorang yang melakukan ibadat dalam keadaan penuh sedar iaitu seseorang meletakkan dirinya di bawah pengawasan Allah S.W.T. dalam setiap masa sehingga timbulnya suatu keyakinan bahawa Allah S.W.T. melihat dirinya (Abū Bakr al-Jazā'irī, t.t.) seperti sabda Nabi S.A.W. yang berikut :

“Bahawa engkau beribadah kepada Allah S.W.T. seolah – olah engkau melihatNya, jika sekiranya engkau tidak melihatNya, maka sesungguhnya Dia (Allah) melihat engkau.”

Berdasarkan kepada pengertian hadis ini, dapatlah difahami bahawa *ihsān* apabila disertakan di dalam setiap ibadah atau rukun – rukun Islam yang lain maka timbul suatu kualiti kerja yang terlaksana dalam taraf yang penuh ikhlas dan tulus secara mutlak tanpa dapat disertakan oleh unsur – unsur seumpama *riyā'* atau *takabbur*. Oleh itu, *ihsān* merupakan suatu aspek yang dapat menjamin kesempurnaan segala bentuk ibadat sama ada yang fardu atau sunat ke arah pembentukan peribadi dan personaliti seseorang ('Ali 'Abd al-Halīm Mahmūd, 1994).

### ii. *Mujāhadah al-nafs*

Dalam konteks ibadat, *mujāhadah al-nafs* merupakan suatu unsur yang sangat diperlukan kerana sesuatu ibadat benar – benar tidak terlaksana secara ikhlas sekiranya pengertian *mujahādah* tidak tertakan di dalamnya. Selain itu, *mujāhadah* merupakan suatu aspek yang dapat memperbaiki prestasi ibadat seseorang dalam setiap masa dan keadaan (Abū Bakr al-Jazā'irī, t.t.) seperti yang difahami dalam pernyataan yang berikut :

“ Apabila adanya unsur–unsur kecuaian dalam melakukan ketaatan, maka nafsu itu hendaklah dihukum dan dikeji. Seterusnya kecuaian itu hendaklah diganti pula dengan amalan dan perbuatan yang lain. Apa yang dilakukan ini merupakan suatu bentuk asuhan sehingga jiwa menjadi tenang, bersih dan baik.”

Berdasarkan catatan ini, maka *mujāhadah al-nafs* hendaklah dilaksanakan oleh seseorang bagi memantapkan keimanan kepada Allah S.W.T., melaksanakan segala bentuk kewajipan berdasarkan tuntutan waktu serta melaksanakan segala ibadat sunat (*nawāfil*) berdasarkan tuntutan di atas diri sendiri (Sa'id Hawwā, 1997).

### iii. *Istiqamah*

*Istiqamah* merupakan suatu elemen yang dapat memastikan keberhasilan proses pembangunan spiritual secara berterusan melalui pelaksanaan amalan *taklif* berbentuk suruhan dan larangan. Ini kerana faktor kecelaan perbuatan seseorang adalah berpunca dari jiwa dan hati yang tidak terbangun dengan sempurna. Keadaan ini merupakan akibat langsung dari hati yang tidak *istiqāmah* dalam melawan hasutan-hasutan hawa nafsu dan syaitan sehingga mengakibatkan hatinya dikuasai oleh *nafs al-‘ammārah* (Norfadilah et.al, 2014). Dari sini, timbulnya suatu keperluan dan kemestian agar seseorang itu berusaha mengadakan *dawrah* spiritual bagi mempertingkatkan kualiti spiritualnya di setiap masa (Sa'id Hawwā, 1997) seperti yang disarankan di dalam hadis yang berikut ;

“ Barangsiapa yang melakukan solat di masjid secara berjemaah selama 40 hari, dan dia tidak pernah ketinggalan satu rakaah pun dari solat ‘Isya’, maka Allah pasti akan membebaskannya dari api neraka.”

( Riwayat Ibn Mājah )

## PERMASALAHAN KAJIAN

Berlandaskan matlamat pendidikan Islam dalam membangunkan sahsiah pelajar yang soleh, maka terdapatnya keperluan yang mendesak untuk mempertingkatkan kualiti kerohanian pelajar dalam konteks pendidikan bersepadu masa kini. Ini kerana seseorang yang tampil dengan akhlak serta peribadi yang mulia adalah lahir daripada jiwa yang bersih dan rohani yang suci. Berdasarkan kajian-kajian yang terdahulu, Rohana Hamzah et.al (2010) menjelaskan terdapatnya jurang di antara amalan semasa pelaksanaan sistem pendidikan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terutamanya dalam isu pembangunan domain spiritual. Sedangkan, pembangunan potensi spiritual merupakan keperluan asas setiap insan kerana ia akan memotivasi manusia untuk bertingkah laku dengan baik dan juga mempengaruhi cara mereka berinteraksi dengan persekitaran. Dapatkan ini adalah selari dengan hasil kajian Hamidah Sulaiman et.al (2013) yang merumuskan bahawa kecerdasan emosi mempunyai pengaruh yang sangat penting terhadap kejayaan individu dalam kehidupan, antaranya ialah penurunan tingkah laku agresif, kebolehan membuat keputusan yang baik dan kemantapan dalam hubungan interpersonal.

Dalam kajian yang berikutnya, Hamidah Sulaiman dan Zawawi Ismail (2013) merumuskan bahawa kecerdasan emosi perlu diberi perhatian yang serius kerana individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi akan mempamerkan tingkah laku dan akhlak yang baik. Seterusnya, Abdul Rahman Md.Aroff et.al (2007) merumuskan hasil kajian berkenaan tahap penguasaan kemahiran insaniah (*soft-skills*) bagi elemen moral dan etika profesional (MEP) di sebuah universiti awam hanya berada pada tahap sederhana tinggi dan dengan itu, program intervensi perlu dilaksanakan bagi mempertingkatkan elemen tersebut. Saranan ini adalah selari dengan hasil kajian Melati Sumari dan Zaharah Hussin (2006) iaitu para pelajar perlu dibudayakan dengan akhlak yang mulia sepanjang menuntut ilmu. Bagaimana pun, budaya ini sukar dipupuk tanpa ada satu kawalan khusus mengenainya. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar universiti tempatan membina satu kod dan disiplin yang bersifat profesional dalam menangani aspek salah laku dan kepincangan akhlak mahasiswa di universiti.

Berdasarkan dapatan kajian yang terdahulu, amatlah nyata bahawa matlamat membangunkan aspek kerohanian pelajar merupakan suatu keutamaan yang perlu dipertimbangkan dalam rangka menterjemahkan kehendak dan matlamat falsafah pendidikan kebangsaan masa kini. Oleh itu, asas terpenting kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengemukakan jalan penyelesaian jangka panjang dan pendek dalam konteks pembangunan spiritual pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi di negara ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kajian penerokaan (*exploratory research*) yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Objektif terpenting penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian adalah kerana ia lebih praktikal untuk memungut data dalam konteks populasi yang besar. Selain itu, keupayaan soal selidik menggunakan sampel yang banyak akan meningkatkan ketepatan anggaran statistik sampel bagi menganggarkan parameter populasi (Mohd. Majid Konting, 1990). Bagi tujuan ini, penyelidik telah mengambil sampel seramai 124 orang dari keseluruhan populasi kajian yang berjumlah 600 orang semasa program dilaksanakan. Pemilihan sampel adalah secara rawak mudah dan saiz sampel dihadkan sebanyak 30 % berdasarkan saranan penyelidik terdahulu (Idris Awang, 2009).

### Objektif Kajian

Secara khusus, kajian ini adalah untuk memenuhi objektif - objektif kajian yang berikut:

1. Untuk mengenal pasti amalan kecedasan spiritual peserta berdasarkan aspek *riyādu al-nafs* al-Ghazali.
2. Untuk menilai tahap kefahaman peserta berdasarkan elemen *tazkiyah al-nafs al-Ghazali* dalam pelaksanaan program spiritual intelligent – soft skills UMP.
3. Untuk melihat kesan kefahaman elemen *tazkiyah al-nafs* terhadap aspek pembentukan moral dan etika peserta dalam program *spiritual intelligent – soft skills* UMP.

## ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Analisis data boleh difahami sebagai proses menghuraikan masalah kajian berdasarkan persoalan kajian (*research questions*) dengan tujuan menjelaskan objektif yang telah dinyatakan. Dalam konteks ini, Analisis data kuantitatif kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif merujuk kepada frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai. Seterusnya, makna nilai min lima skala *Likert* dianalisis kepada empat tahap menggunakan jadual interpretasi min yang berikut :

Jadual 1.1 : Jadual Interpretasi Min

Skor Min	Interpretasi
4.01 hingga 5.00	Tinggi
3.01 hingga 4.00	Sederhana tinggi
2.01 hingga 3.00	Sederhana rendah
1.01 hingga 2.00	Rendah

Manakala statistik inferensi berdasarkan *ujian korelasi* digunakan untuk melihat hubungan yang signifikan atau tidak di antara pemboleh ubah kajian. Oleh itu, aras signifikan yang diletak oleh penyelidik bagi menentukan item – item signifikan atau tidak adalah pada aras  $p < \alpha$  atau  $p = \alpha$  iaitu nilai  $p$  ditetapkan pada 0.05. Seterusnya, bagi menerangkan maksud kekuatan hubungan antara pemboleh ubah yang diuji, maka penyelidik merujuk kepada jadual nilai pekali korelasi yang berikut ;

Jadual 1.2 : Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Korelasi

Skor Min	Interpretasi
0.00 hingga 0.20	Sangat lemah
0.21 hingga 0.40	Lemah
0.41 hingga 0.70	Sederhana
0.71 hingga 0.90	Kuat

Perbincangan berkenaan dengan analisis data deskriptif dan inferensi adalah seperti yang berikut ;

1. Maklumat Demografi Responden

Jadual 1.3 : Maklumat Demografi Responden

Jantina		Kekerapan	Peratus(%)
		Lelaki	70
	Perempuan	54	43.5
	Jumlah	124	100.0

Pendidikan	Agama	17	13.7
	Sastera	7	5.6
	Sains	87	70.2
	Teknik	6	4.8
	Lain- lain	7	5.6
	<b>Jumlah</b>	<b>124</b>	<b>100.0</b>

(Sumber : Soal Selidik tahun 2018 )

Berdasarkan jadual di atas, bilangan keseluruhan responden yang terlibat dengan kajian adalah sebanyak 124 orang responden. Dari jumlah ini, 70 orang adalah responden lelaki dan sebanyak 54 orang responden perempuan. Dari sudut latar pendidikan pula, 87 orang responden adalah dari aliran sains. 17 orang responden dari aliran agama dan seramai 20 orang responden dari aliran sastera, teknik dan lain - lain.

2. Apakah amalan kecerdasan spiritual diri yang dapat dilaksanakan berdasarkan aspek *riyādu al-nafs* ?

Jadual 1.4 : Amalan Kecerdasan Spiritual Peserta Berdasarkan Aspek *Riyādu al-Nafs*

<b>Amalan Fardu / Sunat</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus(%)</b>
Solat fardu berjemaah	27	21.8
Qiamullail	3	2.4
Tilawah	24	19.4
Zikir	14	11.3
puasa sunat	1	.8
Tidak kesemua di atas	19	15.3
Jumlah	88	71.0
Tiada respons	36	29.0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>124</b>	<b>100.0</b>

(Sumber : Soal Selidik tahun 2018 )

Berdasarkan jadual di atas, didapati amalan solat fardu berjemaah dan tilawah al-Quran dapat dilaksanakan secara konsisten oleh peserta program. Manakala amalan spiritual yang sukar dilaksanakan secara konsisten adalah amalan *qiam al-layl* dan puasa sunat. Dapatkan kajian merumuskan bahawa kedua-dua amalan ini tidak dapat menjadi kelaziman peserta program

kerana ia berkaitan dengan kefahaman dan amalan peserta dalam aspek *mujāhadah al-nafs* sebagai asas utama pembangunan spiritual peserta.

Jadual 1.5 : Faktor- Faktor Ketidakmampuan Konsisten Terhadap Amalan Kecerdasan Spiritual

		Kekerapan	Peratus (%)
Faktor –Faktor Kelemahan Diri	Kejahilan diri	41	33.1
	Mengikut hawa nafsu	38	30.6
	Tiada bimbingan	1	.8
	Tiada mujahadah	13	10.5
	Jumlah	93	75.0
	Tiada respons ( missing )	31	25.0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>124</b>	<b>100.0</b>

(Sumber : Soal Selidik tahun 2018 )

Berdasarkan jadual di atas, didapati faktor kejahilan diri dan mengikut hawa nafsu merupakan dua faktor yang paling tinggi, yang menyumbang kepada ketidakmampuan peserta untuk konsisten dalam melaksanakan amalan spiritual mereka. Sementara, faktor yang berikutnya iaitu tiadanya *mujāhadah al-nafs* menunjukkan secara jelas perkaitan antara ketiga – tiga faktor yang dinyatakan di atas. Oleh itu, dapatan kajian ini menjelaskan betapa pentingnya kualiti amalan seseorang dipertingkatkan dengan ilmu dan kefahaman agar ketiga- tiga faktor di atas dapat diatasi dalam penunaian ibadat sebagai *wasīlah* pembangunan spiritual peserta.

3. Sejauhmana tahap kefahaman peserta berkenaan pelaksanaan ibadat dan *tazkiyah al-nafs* ?

Jadual 1.6 : Kefahaman Peserta Dalam Penunaian Ibadat

Perkara	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
B1.	123	3.9919	.71856	Sederhana tinggi
B2.	122	3.7213	1.03062	Sederhana tinggi
B3.	123	3.7886	.71577	Sederhana tinggi
B4.	121	3.0083	1.30701	Sederhana tinggi
B5.	123	4.4065	.76648	Tinggi
B6.	122	3.9508	.93466	Sederhana tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>123</b>	<b>3.8137</b>	<b>.52184</b>	<b>Sederhana tinggi</b>

(Sumber : Soal Selidik tahun 2018 )

Jadual di atas menunjukkan item – item yang dinilai dalam konteks ilmu dan kefahaman peserta berkenaan pelaksanaan ibadat sebagai amalan kecergasan spiritual. Berdasarkan kepada enam item yang dinilai, didapati hanya satu item (B5) yang berada ditahap min tinggi iaitu bimbingan guru diperlukan dalam pelaksanaan ibadat. Manakala lima item yang lain (B1, B2, B3, B4 & B6 ) iaitu setiap ibadat dilaksanakan dengan ilmu dan kefahaman dan setiap ibadat hendaklah dilaksanakan secara konsisten, berada di tahap min sederhana tinggi. Dapatkan ini menunjukkan ilmu dan kefahaman perlu dipertingkatkan dalam kalangan peserta agar ibadat dapat dilaksanakan secara konsisten sebagai *wasīlah* pembangunan spiritual peserta.

Jadual 1.7 : Kefahaman Peserta Dalam Aspek Kefahaman *Tazkiyah al-Nafs*

Perkara	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
B7	123	3.3171	.88999	Sederhana tinggi
B8	120	3.3167	.98717	Sederhana tinggi
B9	122	3.9836	.76042	Sederhana tinggi
B10	119	3.639	1.0229	Sederhana tinggi
B11	120	4.0583	.89156	Tinggi
B12	119	3.6303	.99034	Sederhana tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>123</b>	<b>3.6515</b>	<b>.60586</b>	<b>Sederhana tinggi</b>

(Sumber : Soal Selidik tahun 2018 )

Jadual di atas menunjukkan tahap kefahaman peserta dalam aspek kefahaman *tazkiyah al-nafs*. Berdasar enam item yang dinilai, didapati hanya satu item iaitu (B10) iaitu memahami konsep *mujāhadah al-nafs* dalam pelaksanaan ibadat, berada di tahap min tinggi. Manakala lima item yang berikutnya iaitu (B7, B8, B9, B10 dan B11) iaitu berkenaan dengan kefahaman *tazkiyah al-nafs* dalam ibadat, konsep *ihsān* dan tidak memahami konsep *mujāhadah al-nafs* berada di tahap min sederhana tinggi. Dapatkan ini menunjukkan kefahaman peserta dalam aspek *ihsān* dan *mujāhadah al-nafs* sebagai dimensi dalaman penunaian ibadat perlu dipertingkatkan bagi memenuhi objektif pembangunan spiritual peserta.

4. Sejauhmana kefahaman elemen *tazkiyah al-nafs* terhadap aspek pembentukan moral dan etika peserta ?

Jadual 1.8 : Kesan Kefahaman *Tazkiyah al-Nafs* Dalam Aspek Pembentukan Moral dan Etika Peserta

Perkara	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
E24.	119	4.2353	.70957	Tinggi
E25.	115	3.1652	.91700	Sederhana Tinggi
E26.	119	4.3277	.66523	Tinggi
E27.	116	3.8879	.89220	Sederhana Tinggi
E28.	119	4.1849	.61017	Tinggi
E29.	116	4.0517	.82193	Tinggi
E30.	119	3.8487	.75508	Sederhana Tinggi
E31.	116	3.6121	.98486	Sederhana Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>119</b>	<b>3.9178</b>	<b>.50200</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

(Sumber : Soal Selidik tahun 2018 )

Jadual di atas menunjukkan kesan kefahaman *tazkiyah al-nafs* dalam aspek pembentukan moral dan etika peserta. Berdasarkan lapan item yang dinilai, didapati empat item berada di tahap min tinggi iaitu ( E24, E26, E28 dan E29 ). Item- item ini ialah berkenaan dengan dapat meningkatkan hubungan diri dengan Allah S.W.T., mendapat ketenangan diri, dapat mengamalkan perbuatan baik. Manakala empat item yang berikutnya iaitu ( E25, E27, E30 dan E31 ) berada di tahap min sederhana tinggi. Item- item ini ialah berkenaan dengan masih menuruti kemauan hawa nafsu, masih tidak mendapat ketenangan diri, dapat meninggalkan perbuatan mungkar dan masih sukar untuk mengamalkan kebaikan dalam diri. Oleh itu, dapatan kajian ini menjelaskan bahawa aspek kefahaman dan amalan *tazkiyah al-nafs* sentiasa perlu dipertingkatkan bagi memenuhi objektif pembentukan moral dan etika peserta program.

5. Adakah wujud hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman ibadat, *tazkiyah al-nafs* dan kesan *tazkiyah al-nafs* dalam aspek pembentukan moral dan etika peserta ?

Jadual 1.9 : Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Korelasi

	Kefahaman Ibadat	Kefahaman <i>Tazkiyah al-Nafs</i>	Kesan Kefahaman <i>Tazkiyah al-Nafs</i>
Korelasi		0.238**	0.174
Spearman's rho		.008	0.059
Sig ( 2 tailed )		122	118
N		.	

<b>Kefahaman <i>Tazkiyah al-Nafs</i></b>	Korelasi	0.238**	.338**
	Spearman's rho	.008	.000
	Sig ( 2 tailed )	122	118
	N		
<b>Kesan Kefahaman <i>Tazkiyah al-Nafs</i></b>	Korelasi	.174	.338**
	Spearman's rho	.059	.000
	Sig ( 2 tailed )	118	118
	N		

(Sumber : Soal Selidik tahun 2018 )

Jadual di atas menunjukkan hasil keputusan analisis bagi keputusan *korelasi Spearman* yang mengukur hubungan di antara kefahaman ibadat, *tazkiyah al-nafs* dan kesan *tazkiyah al-nafs* dalam pembentukan moral dan etika peserta. Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat bahawa wujud hubungan yang lemah ( $r = 0.24$ ) dan signifikan ( $\text{sig.} = 0.01$ ) antara kefahaman ibadat dan kefahaman *tazkiyah al-nafs*. Begitu juga terdapat hubungan yang lemah ( $r = 0.34$ ) dan signifikan ( $\text{sig.} = 0.00$ ) antara kefahaman *tazkiyah al-nafs* dan kesan *tazkiyah al-nafs*. Oleh itu, hipotesis nul ( $H_0$ ) yang menyatakan tiada hubungan yang signifikan antara kefahaman ibadat, *tazkiyah al-nafs* dan kesan *tazkiyah al-nafs* ditolak.

## PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN SARANAN

Dapatan kajian keseluruhannya menunjukkan amalan *qiam al-layl* dan puasa sunat sukar untuk dilaksanakan sebagai *wasīlah* pembangunan kecerdasan spiritual peserta. Manakala faktor – faktor mengikut hawa nafsu, tiada *mujāhadah*, kejahilan diri dan tiada bimbingan guru dikenal pasti sebagai faktor – faktor yang menyumbang kepada ketidakmampuan peserta untuk konsisten sebagai amalan kecerdasan spiritual. Dapatan kajian ini menunjukkan ke semua faktor ini adalah berkait rapat dengan tahap kefahaman dan amalan peserta dalam penunaian ibadat sehari-hari peserta. Seperti yang dijelaskan dalam landasan teori kajian ini, dimensi batin penunaian ibadat adalah merangkumi elemen *mujāhadah al-nafs* dan *al-ihsān*. Kedua-dua elemen ini merupakan faktor terpenting dalam menentukan tahap konsistensi dan kejayaan proses pembangunan kecerdasan spiritual peserta. Oleh itu, kefahaman dan amalan kedua – dua elemen ini perlu dipertingkatkan dalam kalangan peserta bagi memenuhi objektif pelaksanaan program *soft-skills* di Universiti Malaysia Pahang ( UMP ).

Sekiranya kefahaman dan amalan peserta dalam dua elemen ini tidak berlaku, maka sudah pasti kualiti spiritual peserta tidak dapat dipertingkatkan sebagai akibat dari hati yang tidak konsisten dalam melawan hasutan- hasutan hawa nafsu seperti yang dijelaskan dalam landasan teori kajian di atas. Kenyataan ini adalah selari dengan dapatan kajian ini iaitu item -

item berkenaan kefahaman dan kesan *tazkiyah al-nafs* seperti masih menuruti kemahuan hawa nafsu, masih tidak mendapat ketenangan diri dan masih sukar untuk mengamalkan kebaikan dalam diri berada di tahap min sederhana tinggi. Begitu juga, daptan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang lemah dan signifikan di antara kefahaman ibadat, *tazkiyah al-nafs* dan kesan *tazkiyah al-nafs* dalam aspek pembentukan moral dan etika peserta.

Akhirnya, kajian ini menyarankan bahawa pembangunan kecerdasan spiritual pelajar berasaskan model *tazkiyah al-Nafs* al-Ghazali adalah amat bersesuaian untuk diterapkan dalam program spiritual intelligent – soft skill memandangkan dua elemen utama *tazkiyah al-nafs* al-Ghazali iaitu *mujāhadah al-nafs* dan *al-ihsān* dapat dijadikan sebagai instrumen penilaian kecerdasan spiritual peserta dalam konteks pelaksanaan program *spiritual intelligent–soft skills* di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahman Md. Aroff et.al. (2007). Kemahiran Insaniah : Moral dan Etika Profesional Pelajar Baharu UPM. *Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007*, Serdang, Selangor : Universiti Putra Malaysia.
- Abū Bakr al-Jazā'iri. (t.t.). *Minhaj al-Muslim*. Qāhirah: Dār al-Salām.
- Abu Dardaa Mohamad et. al. (2017). Konsep Tazkiyah al-Nafs Menurut al-Harith bin Asad al-Muhasibi. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*.
- Al-Ghazālī, al-Imām Abū Muḥammad bin Muḥammad (1998), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 5 j. Qāhirah : Maktabah Misr.
- 'Ali 'Abd al-Halīm Mahmūd (1994). *Wasā'il al-Tarbiyah 'Inda al-Ikhwān al-Muslimīn*. Qāhirah: Dār al-Tawzī' wa al-Nasyr al-Islāmiyyah.
- Faizatul Najihah et.al. (2015). Nilai- Nilai Pembangunan Modal Insan Menurut al-Ghazali. *International Journal Of Islamic and Civilizational Studies*.
- Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah, Amalan Dalam Pengajian Islam*. Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.
- Hamidah Sulaiman et. al (2013). Kecerdasan Emosi Dalam Meningkatkan Keperibadian Remaja. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil. 1, Isu 3.

- Hamidah Sulaiman et. al (2013). Kecerdasan Emosi Menurut al-Quran dan al-Sunnah : Aplikasinya Dalam Membentuk Akhlak Remaja. *The Online Journal Of Islamic Education*, Bil. Vol. 1, Issue 2.
- J.S. Farrant (1964). *Prinsip Dan Amali Pendidikan* ( Terj. *Principles And Practice Of Education* ). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah ( Soft Skills ) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mahsyuri (2012). Prinsip - Prinsip Tazkiyah al-Nafs Dalam Islam Dan Hubungan Dengan Kesihatan Mental. *Jurnal Pemikiran Islam*.
- Melati Sumari (2006). Cabaran IPT Dalam Menangani Salah Laku Dan Kepincangan Akhlak Mahasiswa : Tinjauan Dan Cadangan. *NASDEC 2006 Conference*.
- Mohamad Sattar Rasul et.al. (2009). Aspek Kemahiran " Employability " yang dikehendaki Majikan Industri Pembuatan Masa Kini. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Mohd Sharani Ahmad et.al. (2008). *Ke Arah Mahasiswa Cemerlang*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd. Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Quṭb (1993). *Manhaj al-Tarbiyah al-Islāmiyyah*. Qāhirah: Dār al- Syurūq.
- Norfadilah et.al. (2014). Pembangunan Kerohanian Berasaskan al-Muhasibi Dalam Menangani Gejala Sosial Masa Kini. *e-Proceeding of The International Conference Of Intergration Knowledge*. Bandung: <http://World Conference.net>.
- Rohana Hamzah (2010). Spiritual Education Development. *International Journal of Islamic and Arabic Education*.
- Sa'id Hawwā (1995). *al-Mustakhlas Fi Tazkiyah al-Nafs*. Qāhirah: Dar al-Salām.
- Sa'id Hawwā (1997). *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*. Qāhirah: Dār al-Salām.
- Salasiah Hanin Hamjah. (2016). *Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Tajulashikin Jumahat et.al. (2014). Perbandingan Konsep Kecerdasan Spiritual dari Perspektif Islam dan Barat : Satu Penilaian Semula. *Proceeding of the International On Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014* (pp. 656 - 666). Kuala Lumpur: World Conferences.net.
- Universiti Malaysia Pahang (2017/2018). *Modul MyIC*. tidak terbit.
- Yatimah et.al. (2008) *Teori Kaunseling al-Ghazali*. Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Zakaria Stapa (1995) *Akhhlak dan Tasawwuf Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Zakaria Stapa (2001) Insan Kamil : Ciri dan Proses Pembentukan. *Jurnal AFKAR*.
- Zidni Nuran Noordin et.al. (2017). Perbandingan Proses Tazkiyah al-Nafs Menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. *Jurnal al-Turath*.